

Tajuk : Kempen Anti Rasuah Kebangsaan di UNIMAS

Kempen Anti Rasuah Kebangsaan di UNIMAS

KEMPEN Anti Rasuah (KEMAR) 2012 Peringkat Kebangsaan merupakan anjuran Sekretariat Pencegahan Rasuah (SPR) IPTA di seluruh Malaysia yang dijalankan serentak pada Mac lalu.

SPR Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah menjalankan kempen itu pada 26 hingga 30 Mac lalu di sekitar kampus barat UNIMAS.

Majlis penutupan KEMAR sekali gus pelancaran Facebook SPR (IPT) UNIMAS dan pelancaran Rakan Sekretariat disempurnakan oleh Penasihat SPR UNIMAS Profesor Madya Dr Othman Bojo yang mewakili Naib Canselornya Profesor Datuk Dr Khairuddin Abdul Hamid.

Hadir sama Ketua Unit Pendidikan Masyarakat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Sarawak Mohd Nor Ali yang mewakili Pengarah SPRM Sarawak Bahri Mohamad Zin.

Kempen Anti Rasuah 2012 Peringkat Kebangsaan yang dijalankan di UNIMAS itu merupakan anjuran SPR IPT UNIMAS Sesi 2011/2012 dengan kerjasama SPRM Negeri Sarawak.

Objektif utama program itu adalah untuk memberi



Utusan Borneo 09/04/12 m/s:A3

BANTERAS RASUAH: Pelajar-pelajar UNIMAS melaungkan kata-kata semangat membanteras rasuah di UNIMAS, Kota Samarahan.

kesedaran lebih berkesan kepada mahasiswa sebagai persediaan mereka sebelum melangkah keluar ke alam pekerjaan menjadi seorang pekerja kolar putih berintegriti, bebas daripada gejala rasuah.

Selain itu, kempen tersebut juga bertujuan menjadikan mahasiswa sebagai ejen penyampai mesej antirasuah kepada masyarakat, dalam dan luar kampus.

Pelbagai aktiviti dijalankan sepanjang

kempen itu seperti pameran, kuiz dan teka silang kata yang diadakan di gerai SPR UNIMAS selain pertandingan 'explorace'.

Kaji selidik mengenai statistik rasuah yang berlaku secara langsung

mahupun tidak langsung berdasarkan pengalaman mahasiswa dan kakitangan staf UNIMAS turut dijalankan.

Sambutan diterima sepanjang kempen itu adalah amat menggalakkan yang mana seramai 128 responden diterima dan secara keseluruhannya lebih 300 orang turut serta dalam kempen itu.

Secara kesimpulannya, berdasarkan maklum balas borang kaji selidik yang diperolehi, rata-rata responden mengatakan tidak terlibat dengan gejala rasuah tetapi persepsi mereka mengenai tahap kadar gejala rasuah di Malaysia tetap tinggi.

Ini adalah sesuatu perkara yang amat membimbangkan kerana boleh meningkatkan kadar Indeks Persepsi Rasuah (CPI) di negara ini.

Oleh yang demikian, pihak SPR berasa bertanggungjawab mengadakan program seperti itu pada masa akan datang bagi memberi informasi secara tepat mengenai rasuah serta cara-cara menyalurkan maklumat mengenainya sebagaimana yang termaktub dalam Seksyen 25(1) Akta SPRM 2009 iaitu kewajipan melapor perbuatan rasuah.